

'Saya bukan penghisap darah'

Pembangkang eksploitasi isu tol untuk beri gambaran budak bermasalah: Samy

Oleh V VAsudevan dan
Ranjeetha Pakiam

KUALA LUMPUR: "Saya bukan *dracula* yang menghisap darah rakyat seperti didakwa setiap kali kadar tol naik. Pembangkang menuduh saya penghisap darah. Hanya *dracula* suka menghisap darah," kata Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, pembangkang mengeksploitasi isu kenaikan tol dengan menggambarkan beliau sebagai 'budak bermasalah' kerana sering menimbulkan kesusahan kepada

pengguna jalan raya.

Contohnya, kata beliau, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menuduhnya punca kenaikan kos pembinaan Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) daripada RM470 juta kepada RM700 juta tanpa menyedari kos sebenar projek itu.

Beliau berkata, penswastaaan projek berkenaan hanya RM470 juta, manakala kerja lain yang dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) memabitkan RM275 juta.

"Lim mencuba mempengaruhi penduduk Butterworth kononnya saya menyalahgunakan wang rakyat

tetapi saya senyap saja," katanya ketika diwawancara *New Straits Times* (NST), di sini semalam.

Ditanya mengapa perjanjian konsesi lebuhraya dikategorikan sebagai dokumen mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA), beliau berkata, perjanjian konsesi itu disertakan dengan kertas Kabinet, sekali gus menjadikannya sebagai dokumen sulit yang butirannya tidak boleh didedahkan.

Katanya, apabila pembangkang menuduh kerajaan menyembunyikan sesuatu berhubung perjanjian itu, beliau bertanya kepada Kabinet tiga minggu lalu sama ada perjanjian itu boleh

“*Lim cuba pengaruh penduduk Butterworth kononnya saya salahguna wang rakyat, tapi saya senyap saja*”

S Samy Vellu
Menteri Kerjaraya

dibuka untuk pengetahuan umum.

"Perdana Menteri kata sila kemukakan kertas cadangan. Saya kemukakan hal itu kepada Pejabat Peguam Negara dan kebenaran diberikan. Saya tanya kepada pengurusan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP). Mereka tidak membantah," katanya.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan membuka semua 21 perjanjian konsesi lebuhraya di seluruh negara menjelang hujung Mac ini.

Samy Vellu berkata, pihak yang mencuba mengeksploitasi perjanjian berkenaan akan kecewa apabila mendapati ia telus.